

06/11/1998

Peniaga Chow Kit hantar memorandum

KUALA LUMPUR, Khamis - Seramai 1,000 peniaga Pasar Chow Kit menandatangani memorandum untuk dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menangguhkan pemindahan mereka ke tapak pasar sementara di Jalan Ipoh.

Ahli Parlimen Bahagian Titiwangsa, Datuk Suleiman Mohamed, berkata penangguhan itu bukannya membantah cadangan pemindahan tetapi bagi menstabilkan semula ekonomi peniaga dan perniagaan yang terjejas.

Menurutnya, kebanyakan peniaga di situ mengalami kemerosotan pendapatan kira-kira 30 peratus berikutan kegawatan ekonomi.

Selain itu, tunjuk perasaan reformasi yang dijalankan setiap minggu sejak akhir September lalu, di pusat bandar, turut menyebabkan kerugian kira-kira 30 peratus kerana penutupan sementara perniagaan dan beberapa jalan hingga menyukar dan menakutkan pelanggan untuk membeli-belah di situ.

"Kami merayu orang ramai kembali berkunjung ke pusat perniagaan di sini, malah keadaan juga pulih seperti sedia kala. Tiada lagi reformasi dan kami juga membantah gerakan itu di kawasan kami," katanya di majlis penyerahan memorandum itu oleh Pengerusi MCA Bahagian Titiwangsa, Quek Jin Teck.

(END)